

Pemilikan harta bumiputera di bandar masih rendah

Oleh SUMI MALENG

MIRI 28 Jan. – Pemilikan harta bumiputera di kawasan bandar di seluruh negara masih rendah iaitu sebanyak 11 peratus.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia jauh daripada sasaran kerajaan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus.

Beliau berkata, sehubungan itu usaha giat dilakukan bagi melahirkan lebih ramai masyarakat usahawan perdagangan dan perindustrian bumiputera baru yang berjaya.

“Secara amnya, pemilikan harta bumiputera bandar masih jauh dari sasaran. Kalau kita dapat capai sasaran 30 peratus itu, maka paras pemilikan harta dalam bandar akan menjadi lebih seimbang,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang me-

dia selepas Majlis Perasmian Kedai Miri 2 dan Anugerah Usahawan Mara (AURA) 2006, Peringkat Negeri Sarawak di sini, hari ini.

Beliau menjelaskan, melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kerajaan menyasarkan pemilikan harta bumiputera di bandar akan ditingkatkan ke paras 25 peratus.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak meletakkan tempoh bagi mencapai sasaran 30 peratus tetapi ia akan diperhebat sehingga ke tahun 2020.

“Sebabnya, ia bukan dalam keadaan masyarakat lain tidak berkembang, ia dalam keadaan masyarakat lain bergerak ke hadapan, dan pada masa sama kita pun mahu berkembang,” katanya.

Namun ujarinya, usaha meningkatkan pemilikan harta bumiputera bandar tidak boleh diletakkan pada kerajaan semata-mata tetapi ia memerlukan penglibatan usahawan berjaya di negara ini.

um - 29/1/2007

“Usahawan yang sudah berjaya perlu memberi dan menyumbang semula kepada masyarakat lain agar sama-sama berjaya,” katanya.

Dalam pada itu kata beliau, Majlis Amanah Rakyat (Mara) menyasarkan matlamat melahirkan 20,000 usahawan peruncitan melalui Program Usahawan Peruncitan yang akan dilancarkan Mac ini.

Beliau berkata, daripada 20,000 usahawan peruncitan yang disasarkan itu, 11,000 merupakan usahawan berasaskan kemahiran manakala bakinya usahawan mikro.

“Mereka yang terlibat dalam program ini memerlukan premis dan membeli premis. Cara ini dilihat dapat membantu usaha kita menambahkan pemilikan harta bumiputera bandar,” katanya.

Beliau berkata, Mara juga akan mewujudkan pusat perniagaan di kawasan yang berpopulasi tinggi berhampiran universiti dan perumahan.